

26/09/2000

Orang Melayu bantu bekas Presiden MCA menang: DAP

KUALA LUMPUR, Isnin - Penasihat DAP, Dr Chen Man Hin menolak kemungkinan orang Melayu, khususnya pemimpin Umno, menganiayai bekas Presiden MCA, Tan Sri Lee San Choon dalam pilihan raya umum 1982 bagi kawasan Parlimen Seremban.

Dr Chen, yang tewas kepada Lee dengan majoriti 845 undi ketika itu berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pergi berkempen untuk calon Barisan Nasional (BN) daripada MCA itu.

"Saya ingat sekurang-kurangnya dua kali Perdana Menteri turun berkempen ke Seremban untuk membantu Lee, menyebabkan saya akhirnya tewas. Malah sepanjang kempen (ketika itu), saya tak pernah dengar pemimpin Umno menikam Lee dari belakang.

"Malah orang Melayu memberi sokongan padu kepada Lee sebagai calon BN (MCA). Bagi saya pilihan raya itu adalah paling sengit dalam sejarah politik kami (DAP). Tiap malam MCA menganjurkan jamuan untuk penyokongnya dan Lee turut menerima sokongan padu MIC selain Umno.

"Saya ramal saya boleh menang tetapi kalah tipis," katanya ketika dihubungi hari ini. Dalam pilihan raya itu, Lee memperolehi 23,258 undi, manakala Dr Chen yang ketika itu Pengerusi DAP, meraih 22,413 undi.

Lee yang menjadi Presiden MCA dari 1975 hingga 1983, dalam temuramah dengan edisi bahasa Cina majalah Asiaweek 4 September lalu, antara lain dipetik sebagai berkata, pemimpin Umno menikamnya dari belakang dengan tidak memberi undi orang Melayu di Seremban pada 1982, dengan tanggapan kerana "mereka tidak suka dengan apa yang saya lakukan".

Malah, bekas Menteri Pengangkutan itu juga dilaporkan mengaitkan keputusannya meninggalkan Kabinet pada 1983 kerana reaksi Dr Mahathir kepada beliau berikutan kegagalan MCA membuat pendirian ketika Dr Mahathir dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1976.

Mengulas perkara itu Sabtu lalu, Dr Mahathir berkata beliau sendiri berkempen untuk Lee pada pilihan raya itu sehingga mengalahkan Dr Chen.

"Orang Melayu tidak beri sokongan, saya tidak mahu komen tetapi saya sendiri kempen untuk Lee kalahkan parti lawan (DAP).

"Saya ingat ucapan saya pada masa itu, Lee tidak payah jerit beritahu saya (orang Melayu tak sokong) kerana dia boleh bisik sebab dia duduk sebelah saya," kata Dr Mahathir.

Sementara itu, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata beliau menganggap Lee sebagai gurunya dalam politik.

Dr Ling berkata, sebelum ini, apa saja yang dinasihati oleh Lee dipatuhi oleh MCA tetapi ia tidak pernah membabitkan Umno.

"Apa sahaja yang beliau (Lee) kata... bukan mengenai Umno. Kami mengambil kira nasihatnya untuk melihat bagaimana kami dapat memperbaiki diri," katanya ketika ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Presiden MCA di sini, hari ini.

Ditanya mengapa Lee mengeluarkan kenyataan seumpama itu sekarang, Dr Ling berkata: "Saya tak tahu, kena tanya beliau sendiri".

Lee bagaimanapun gagal dihubungi hari ini dan pembantunya memberitahu beliau menghadiri mesyuarat di ibu negara.

(END)